

LOG TINDAKAN PEMBETULAN : ~~Proses Kerja Harian~~/ Audit Dalam – OFI 2024SEKSYEN KOLEKSI KHAS & REPOSITORIPERPUSTAKAAN UTM (BANGUNAN PERPUSTAKAAN RAJA ZARITH SOFIAH)

Bil.	No. Prosedur dan Keterangan Ketidakpatuhan	Punca Ketidakpatuhan	Tindakan Pembetulan & Pelan Tindakan Pembetulan	Staf Bertanggungjawab	Tarikh jangkaan selesai	Status* Tutup/KIV
1.	AKT(IR)/8.5.2 : Prosedur Mendeposit Bahan UTM-IR Keterangan pada sumber dokumen tidak jelas. Senarai Induk Dokumen Sokongan tidak dikemaskini	Perkara 5.0 - Sumber Dokumen iaitu 5.2, 5.5, 5.7 - Sumber dokumen tersebut adalah atas/dalam talian tetapi tidak dinyatakan lokasi sebenar dan URL bagi dokumen tersebut (teguran lisan) Senarai Induk Dokumen Sokongan tidak dikemaskini Terdapat 8 sumber dokumen pada senarai induk dokumen sokongan bagi AKT(IR/8.5.2) berbanding 9 di prosedur.	Tindakan pembetulan telah dilaksanakan pada dokumen berikut : i. Prosedur ii. Senarai Induk Dokumen Sokongan iii. Senarai Induk Rekod	Haslina Hussin	4 Ogos 2024	Tutup

Bil.	No. Prosedur dan Keterangan Ketidakpatuhan	Punca Ketidakpatuhan	Tindakan Pembetulan & Pelan Tindakan Pembetulan	Staf Bertanggung-jawab	Tarikh jangkaan selesai	Status* Tutup/KIV
2.	AKT(IR)/8.5.2 : Prosedur Mendeposit Bahan UTM-IR Skop perlu disemak semula. Fokus bahan deposit hanya terhad seperti yang dinyatakan sahaja.	Hasil audit mendapati skop 2.1 iaitu fokus bahan deposit adalah artikel jurnal, kertas seminar/prosiding, bab dalam buku, buku dan tesis (sarjana dan PhD) sahaja. Pemilik proses juga menyatakan Objektif kualiti iaitu sasaran mendeposit dicapai minima 80% daripada 6000 rekod setahun tidak boleh dinaikan lebih tinggi lagi kerana bahan tidak banyak.	Hasil semakan mendapati penetapan Skop 2.1 yang digariskan dalam prosedur ini adalah selaras dengan Skop yang dinyatakan pada para 6.2 – Dasar Perpustakaan UTM 2014, mukasurat 169. Keratan Skop pada Dasar Perpustakaan UTM 2014 - Rujuk Lampiran 1. Skop sedia ada dikekalkan sehingga penggunaan platform baharu sistem UTM-IR digunapakai pada Oktober 2024 (jangkaan sistem siap dibangunkan) yang turut melibatkan perubahan secara menyeluruh bagi polisi/dasar, proses kerja dan prosedur pendepositan bahan UTM-IR (salah satu repositori sistem UTM-IR). Laporan kepada sasaran untuk meningkatkan jumlah pendepositan melebihi 80% juga telah disediakan pada Laporan Pencapaian Objektif Kualiti Jan – Jun 2023 dan telah mendapat kelulusan Mesyuarat Semakan Pengurusan Induk Perpustakaan UTM Bil.2/2023 bertarikh 31 Okt. 2023.	Haslina Hussin	4 Ogos 2024	Tutup

Bil.	No. Prosedur dan Keterangan Ketidakpatuhan	Punca Ketidakpatuhan	Tindakan Pembetulan & Pelan Tindakan Pembetulan	Staf Bertanggung-jawab	Tarikh jangkaan selesai	Status* Tutup/KIV
3.	AKT(IR)/8.5.2 : Prosedur Mendeposit Bahan UTM-IR Perkara 6.3 Keterangan prosedur perlu disemak semula. Tanggungjawab bagi pengesahan hanya seorang sahaja. Pengesahan rekod dibuat oleh seorang editor sahaja dalam masa sebulan dari tarikh deposit. Boleh menjejaskan proses pengesahan jika editor tersebut bercuti atau jika ada bahan segera perlu disahkan ke dalam sistem serta mengganggu pencapaian objektif kualiti.	Hasil audit mendapati perkara 6.3 pengesahan rekod hanya dilakukan oleh seorang sahaja iatu P(RD). Pemilik proses juga menyatakan proses pengesahan hanya boleh dilakukan oleh pustakawan unit berkenaan sahaja dan tidak boleh dilakukan oleh pembantu pustakawan. Dalam perkara ini hanya terdapat seorang pustakawan sahaja di unit tersebut maka hanya seorang sahajalah pengesah rekod. Jika rekod tidak sahkan ia akan menjejaskan pencapaian objektif kualiti. Pencapaian bagi 80% daripada 6000 rekod setahun adalah berdasarkan rekod yang telah disahkan (live record) bukan rekod yang dideposit.	Aktiviti pendepositan bahan UTM-IR tidak melibatkan pengurusan permohonan bahan segera sama ada secara fizikal atau atas talian (LSS – Library Service System). Proses kerja sedia ada dikekalkan sehingga penggunaan platform baharu sistem UTM-IK digunapakai pada Oktober 2024 (jangkaan sistem siap dibangunkan) yang turut melibatkan perubahan secara menyeluruh bagi polisi/dasar, proses kerja dan prosedur pendepositan bahan UTM-IR (salah satu repositori sistem UTM-IK). Proses mengenalpasti fungsi baharu sistem UTM-IK bertujuan untuk memberi nilai tambah kepada keperluan sedia, merangka proses kerja dan penanggungjawab berdasarkan persekitran sistem baharu bagi tujuan penyelarasan semula proses kerja.	Haslina Hussin	4 Ogos 2024	Tutup

Lampiran 1

